



KENYATAAN MEDIA

JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

28 OGOS 2025

KEJADIAN GEMPA BUMI LEMAH DI NEGERI JOHOR PADA 28 OGOS 2025

Satu gempa bumi lemah bermagnitud 2.5 dengan kedalaman 10 km telah berlaku di Segamat, Johor pada jam 7.56 malam, 28 Ogos 2025. Lokasi kejadian adalah pada koordinat 2.6° Utara, 102.8° Timur, iaitu kira-kira 13 km utara Segamat, Johor.

Gegaran turut dirasai di beberapa kawasan sekitar Johor. Berdasarkan analisis MET Malaysia, kejadian gempa bumi ini berlaku di Zon Sesar Mersing dan merupakan gempa susulan ketiga sejak berlakunya gempa utama pada 24 Ogos 2025.

MET Malaysia akan terus memantau keadaan ini dan mengeluarkan makluman dari semasa ke semasa. Orang ramai tidak perlu bimbang kerana gempa bumi yang berlaku adalah pada magnitud lemah.

Sila dapatkan maklumat cuaca dan gempa bumi terkini yang sahih melalui laman web rasmi, aplikasi mobil myCuaca dan media sosial rasmi Jabatan serta menghubungi talian Hotline 1300-22-1638 untuk sebarang pertanyaan lanjut.

Sumber:

DR. MOHD HISHAM BIN MOHD ANIP

Ketua Pengarah

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



MEDIA SOSIAL
RASMI



metmalaysia

MET malaysia

myCuaca

RakanMET

metmalaysia

malaysiaemet

www.met.gov.my